Publication: Berita Harian, p 03

Date: 03 January 2019

Headline: Singtel CEO first woman on Council of Presidential Advisers

CEO Singtel wanita pertama dilantik anggota Majlis Penasihat Presiden

PRESIDEN Halimah Yacob telah melantik seorang wanita selaku Anggota Berganti (alternate) Majlis Penasihat Presiden (CPA).

nasihat Presiden (CPA).

Cik Chua Sock Koong merupakan wanita pertama yang dicalonkan dan dilantik ke CPA.

Pelantikanya bermula semalam dan akan berterusan sehingga 1 Januari 2023.

Cik Chua merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Singtel sejak 1 April 2007.

Beliau bertanggungjawab ke atas perniagaan itu secara keseluruhannya.

Ini dinyatakan menerusi kenyataan CPA semalam.

Dua lagi yang dilantik ialah Encik Eddie Teo selaku pengerusi, dan Encik Chua Thian Poh, selaku anggota CPA.

Pelantikan Encik Teo bermula semalam dan akan berterusan sehingga 1 Jun 2020, sementara pelantikan Encik Chua Thian Poh pula mulai 2 Januari sehingga 1 Jun 2024.

Cik Chua Sock Koong menyertai Singtel pada Jun 1989 sebagai Bendahari, sebelum menjadi Ketua Pegawai Kewangan (CFO) pada April 1999.

Beliau memegang beberapa kedudukan sebagai CFO Kumpulan dan CEO Antarabangsa dari Februari 2006 hingga 12 Oktober 2006, apabila beliau dilantik selaku Timbalan CEO Kumpulan.

Cik Chua juga adalah anggota lembaga Bharti Airtel Limited, Bharti Telecom Limited, Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star), Cap Vista Pte Ltd dan anak-anak syarikat Kumpulan Singtel.

Beliau juga adalah anggota Majlis Perniagaan Indonesia-Singapura, Suruhanjaya Khidmat Awam (PSC), Majlis Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan (RIEC) dan Lembaga Pengamanah Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Cik Chua memiliki ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Nasional Singapura (NUS).

Beliau adalah anggota zamil Institut Akauntan Bertauliah (ISCA) dan



CEO SINGTEL: Cik Chua Sock Koong merupakan wanita pertama yang dicalonkan dan dilantik ke CPA dengan pelantikannya bermula semalam sehingga 1 Januari 2023. – Foto SINGTEL

Pengamat Kewangan Bertauliah (CFA).

Sementara itu, pelantikan Encik Teo sebagai anggota CPA bermula sejak 15 Ogos 2018. Beliau pernah berkhidmat de-

Beliau pernah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Singapura selama 35 tahun sebelum bersara pada 2005.

Sebelum ini, beliau juga pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari Ogos 2008 sehingga Julai tahun lalu, dan pengerusi Majlis Presiden bagi Keharmonian Agama sejak September 2017.

Encik Chua pula adalah pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Ho Bee.

Beliau dilantik selaku Anggota Berganti CPA pada 1 April 2017. Beliau yang aktif dalam khidmat

Beliau yang aktif dalam khidmat masyarakat dan sosial, berkhidmat dalam lembaga beberapa syarikat dan pertubuhan masyarakat.